



SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 10 TAHUN 2018

KAEDAH ALTERNATIF KEPADA TINDAKAN SURCAJ BAGI MENDAPATKAN NILAI ASET DAN INVENTORI YANG HILANG (TATACARA PENGURUSAN ASET)

Pejabat Bendahari

23 Disember 2018

Disalankan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 2 (18)

23 Disember 2018

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2018

KAEDAH ALTERNATIF KEPADA TINDAKAN SURCAJ BAGI MENDAPATKAN NILAI ASET DAN INVENTORI YANG HILANG (TATACARA PENGURUSAN ASET)

1. TUJUAN

1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan berkenaan kaedah alternatif kepada tindakan surcaj bagi mendapatkan nilai aset dan inventori yang hilang di Universiti Malaysia Kelantan. Ini adalah sebahagian daripada Bab F – Kehilangan dan Hapus Kira, Tatacara Pengurusan Aset Alih, Universiti Malaysia Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kaedah alternatif kepada tindakan surcaj bagi mendapatkan nilai aset dan inventori yang hilang telah diperakucas di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2018 yang telah bersidang pada 24 September 2018 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2018 yang telah bersidang pada 7 Oktober 2018. Ini adalah sebagaimana permohonan kehilangan dan hapus kira yang mengesyorkan tindakan surcaj atau tatatertib di bawah Seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) terhadap pegawai yang bertanggungjawab atas kehilangan sekiranya terdapat unsur kecurian, penipuan atau kecuaian Pegawai Awam.

2.2 Tatacara Pengurusan Aset Universiti telah memperuntukkan bahawa Naib Canselor dalam mempertimbangkan permohonan kehilangan dan hapus kira akan mengesyorkan tindakan surcaj atau tatatertib yang diperlukan di bawah Seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957

(Akta 61) terhadap pegawai yang bertanggungjawab atas kehilangan sekiranya terdapat unsur kecurian, penipuan atau kecuaian Pegawai Awam.

- 2.3 Tatacara Pengurusan Aset Universiti juga telah memperuntukkan bahawa syor Surcaj atau Tatatertib hendaklah dibawa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan Jawatankuasa Pelupusan Universiti.
- 2.4 Perlaksanaan kaedah alternatif kepada tindakan surcaj ini adalah mengikut Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 5 Februari 2009. Walau bagaimanapun, SAP tersebut telah dibatalkan dengan berkuatkuasanya 1PP bertarikh 3 Julai 2014. Menurut SAP tersebut, kehilangan aset dan inventori yang nilai semasa tidak melebihi RM5,000.00 diberi pengecualian daripada tindakan surcaj tetapi dibenarkan membayar balik mengikut nilai semasa. Nilai semasa adalah nilai semasa berlaku kehilangan aset iaitu berdasarkan kepada anggaran susut nilai.

3.0 KAEDAH ALTERNATIF KEPADA TINDAKAN SURCAJ BAGI MENDAPATKAN NILAI ASET DAN INVENTORI YANG HILANG

- 3.1 Nilai ganti rugi yang digunakan untuk bayaran balik bagi kehilangan aset dan inventori ini adalah pada **NILAI KOS**.
- 3.2 Takrifan adalah sebagaimana berikut:
 - 3.2.1 Nilai kos adalah harga perolehan asal aset/inventori tersebut.
 - 3.2.2 Nilai semasa adalah nilai semasa berlaku kehilangan aset iaitu berdasarkan nilai kos ditolak anggaran susut nilai.
 - 3.2.3 Nilai pasaran adalah nilai berdasarkan kajian pasaran yang dibuat. (Contohnya melalui laman sesawang lelong.my atau mudah.my)

- 3.3 Contoh penentuan nilai aset/inventori dalam sebagaimana jadual berikut:

| | |
|----------------------|--|
| CONTOH KES | Sebuah Ipad dibeli pada 1 Jan 2017 dengan harga RM4,000.00. Ipad tersebut disusut nilai dengan kadar 20% setahun. Ipad tersebut didapati hilang pada 31 Disember 2017. |
| NILAI KOS | RM4,000.00 |
| NILAI SEMASA | RM3,200.00 (RM4,000.00 – (RM4,000.00 x 20% x 1 tahun)) |
| NILAI PASARAN | RM3,000.00 (Berdasarkan kajian pasaran dalam laman sesawang mudah.my) |

* Nilai ganti rugi yang digunakan untuk bayaran balik bagi kes ini kehilangan aset dan inventori ini adalah pada nilai kos.

4.0 PENGECUALIAN


- 4.1 Tindakan bayaran balik akan dikenakan terhadap pegawai atau beberapa orang pegawai yang bertanggungjawab atas kehilangan itu sekiranya terdapat unsur-unsur kecurian, penipuan atau kecuaian yang ditentukan oleh Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan Aset/Inventori dan seterusnya syor diluluskan oleh Naib Canselor.
- 4.2 Setelah tinfakan bayaran balik dan hapus kira telah selesai, satu laporan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelupusan Universiti dan seterusnya kepada Pejabat Pendaftar untuk direkodkan dalam buku Perkhidmatan pegawai berkenaan.

5.0 PEMAKAIAN

5.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,
JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari
b.p: Naib Canselor